

27 DEC 1997

Mahathir-Pelancongan

KEINDAHAN, KEMAKMURAN DAN BUDAYA HIDUP ASET PELANCONGAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keindahan, kemakmuran dan kesejahteraan negara serta gaya dan budaya hidup masyarakat negara ini adalah aset amat bernilai di dalam pembangunan industri pelancongan negara.

Oleh itu, ia hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya demi kepentingan ekonomi negara, kata Dr Mahathir dalam kata-kata aluannya di dalam buku cenderamata majlis pelancaran Tahun Sukan dan Rekreasi 1998.

Dr Mahathir berkata adat resam dan budaya hidup masyarakat yang berbilang kaum juga boleh menjadi daya tarikan yang kuat untuk para pelancong asing datang ke negara ini.

"Negara kita yang indah ini mempunyai daya tarikan alam semula jadi yang sungguh mempesonakan," katanya.

Katanya, persaingan hebat dalam pasaran pelancongan antarabangsa sekarang memerlukan Malaysia melancarkan strategi industri pelancongan yang agresif dan mampan untuk terus cemerlang.

Perdana Menteri berkata sungguhpun nama Malaysia kini telah dikenali oleh masyarakat antarabangsa, usaha untuk menarik minat dan keinginan masyarakat antarabangsa untuk berkunjung ke Malaysia harus dipertingkatkan lagi secara berterusan.

Beliau yakin program Tahun Sukan dan Rekreasi 1998 akan menjadi satu strategi pemasaran yang berkesan untuk membawa kecemerlangan dalam industri pelancongan di negara ini.

Program itu dilancarkan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik malam ini.

Tahun Sukan dan Rekreasi 1998 menawarkan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi serta acara antarabangsa kepada para pelancong dan juga peminat-peminat sukan tempatan. --BERNAMA

WNZ RI